

Kajian Sumbangan Teori Linguistik Ibnu Jinni ke Atas Perkembangan Linguistik Arab Moden

Sulaiman bin Ismail¹
Universiti Sains Islam Malaysia

Abstrak

Artikel ini bertujuan mengkaji dan membincangkan teori-teori linguistik yang telah diperkatakan oleh Ibnu Jinni di awal kurun keempat hijrah yang menyaksikan era kegemilangan ilmu pengetahuan dalam pemerintahan kerajaan Bani Abbasiah. Pengaruh dan ketokohan Ibnu Jinni dalam bidang linguistik telah memberikan impak yang begitu ketara ke atas perkembangan linguistik Arab moden. Ini kerana teori-teori yang telah diperkenalkannya telah menjadi rujukan dan kajian generasi selepasnya. Artikel ini mengupas secara terperinci teori asal usul bahasa menurut pandangannya di samping mengengahkan pandangan bernasnya berkaitan derivasi perkataan dalam sistem morfologi Arab selain teori-teori linguistiknya berkaitan hubungan rapat antara pembentukan perkataan di dalam bahasa Arab dan makna yang tersirat di sebalik perkataan tersebut. Turut dibentangkan pengaruh teori-teori tersebut ke atas kajian linguistik Arab.

Kata kunci: linguistik Arab, morfologi, teori bahasa, Ibnu Jinni.

Abstract

This article mainly focuses on a discussion of the linguistic theories that had been introduced and discussed thoroughly by Ibnu Jinni at the beginning of the fourth century of al-Hijrah in which it witnessed the glorious era of knowledge development in the Abbasid Empire. Ibnu Jinni's influence and his personality had greatly given an enormous influence on the development of modern Arabic linguistic. His introductory theories had been used by many generations as their main references and sources to develop and expand many new theories in the study of Arabic. Thus, this article depicts his theories on the origin of language, the words derivation, vowel, consonant letters and phonemes in the morphological system of Arabic, sounds of the words that demonstrate the strength of meanings, the similarities of the words because of the similarities of the meanings and some other theories that had had great influence on the development of Arabic linguistic in general.

Keywords: Arabic linguistic, morphology, theories in language, Ibnu Jinni.

¹ Corresponding author : Sulaiman Ismail, Universiti Sains Islam Malaysia, sulaiman.i@usim.edu.my

Pendahuluan

Sejarah perkembangan linguistik memang telah lama berlaku sejak daripada kajian yang dibuat oleh sarjana Yunani, India, Arab dan bangsa-bangsa lain. Kajian dalam bidang ini berterusan hingga kini. Namun jika diperhatikan secara lebih spesifik ke atas kajian awal linguistik bahasa-bahasa tersebut, kajian linguistik Arab boleh dianggap paling istimewa kerana ia telah membicarakan banyak perkara dan mempamerkan pendedahan baru yang tidak terdapat di dalam bahasa lain. Ini kerana tujuan asal kajian linguistik Arab adalah semata-mata untuk tujuan agama. Faktor utama yang mendorong kepada kajian ini adalah kerana al-Quran diturun di dalam bahasa Arab dan untuk menjaga kemuliaan kitab suci ini, ramai sarjana Islam yang berusaha gigih membuat kajian mereka dalam bidang autografi, tatabahasa, fonetik, fonologi, morfologi, filologi yang pada umumnya dikategorikan dalam bidang kajian linguistik.

Kajian awal linguistik Arab banyak mengemukakan idea dan teori baru yang jelas menunjukkan kesungguhan, kegigihan usaha dan ketajaman pemikiran pakar-pakar linguistik Arab waktu itu. Pengkajian ilmu-ilmu ini dapat menjaga dan menyuburkan bahasa ini yang telah diangkat menjadi bahasa dogma yang agung. Kajian-kajian ini sudah pastinya membuka jalan dan memudahkan penghayatan dan pemahaman terhadap bahasa dogma ini yang menjadi kunci kepada gedung ilmu agama Islam. Ramai tokoh sarjana Arab pada peringkat awal perkembangan kajian linguistik Arab telah memberikan tumpuan penuh dalam bidang ini seperti Abu 'Ali al-Farisi, Sibawaih, Khalil ibn Ahmad al-Farahidiy dan ramai lagi. Di antara tokoh-tokoh ini, Ibnu Jinni adalah tokoh yang telah mencipta nama dan kepakarannya dalam bidang ini hingga menjadikan namanya begitu tersohor serta diakui oleh ramai sarjana Arab dan bukan Arab selepasnya. Oleh kerana ketokohnya yang begitu terserlah dalam bidang ini, beliau telah dianggap sebagai bapa linguistik Arab hasil daripada penemuan dan teori-teori baru yang diperkenalkannya.

Riwayat Hidup Ibnu Jinni

Nama penuhnya ialah Abu al-Fatah ibn 'Usman ibn Jinni al-Musili, dilahirkan sebelum tahun 300H bersamaan dengan 912M. (Fadil Saleh, 1969). al-Baghdadi di dalam kitabnya "*Tarikh Baghdad*" menyatakan bahawa Ibnu Jinni adalah seorang ahli tatabahasa dan linguistik yang mahir dan banyak mengarang buku berkaitan dengan kedua-dua disiplin ilmu ini. (al-Baghdadi, jld 2, t.t.) Dia juga amat disegani dalam bidang morfologi setelah menghabiskan hampir 40 tahun masanya berguru dengan Abu Ali al-Farisi dalam bidang ini. Bapanya merupakan seorang hamba yang berasal dari Rom dan dimiliki oleh Sulaiman bin al-Fahd yang berasal dari Mosul. Ada juga dinyatakan bahawa bapanya pernah menjadi seorang tentera Turki, berwajah hodoh, tidak berilmu dan tidak bijak. Dia telah mendapat anaknya yang diberi nama Usman sewaktu berada di Mosul. (Fadil Saleh, 1969)

Perkataan Jinni adalah satu katanama yang berasal daripada perkataan Rom yang telah diadaptasi ke dalam bahasa Arab menjadi Kinni. Perkataan ini ditulis di dalam sistem grafem Latin sebagai “Gennaius” yang kemudiannya juga telah dibawa masuk ke dalam bahasa Inggeris menjadi “*genius*”, bermakna yang bijak, mulia dan pintar. (Ibnu Jinni, jld 1, t.t., Fadil Saleh, 1969) Tiada tarikh yang tepat tentang kematiannya, namun al-Suyuti menyatakan, Ibnu Jinni meninggal dunia ketika berumur 70 tahun pada 28hb Safar 392 H. (al-Suyuti, jld 2, 1965).

Sifat Dan Keperibadiannya

Tiada sumber yang menyatakan dengan jelas sifat dan keadaan diri Ibnu Jinni secara menyeluruh dan lengkap. Tiada gambaran samada beliau tinggi atau rendah, gemuk atau kurus, dan tidak juga dinyatakan adakah dia berkulit putih atau sebaliknya. Namun ada juga disebutkan bahawa beliau berambut kerinting, buta sebelah mata dan mukanya ada sedikit raut wajah orang Turki. Mungkin juga beliau memiliki raut wajah orang Rom, kerana kedua-dua bangsa ini digolongkan dalam bangsa Eropah. (Fadil Saleh, 1969). Ahli sejarah menyebutkan bahawa beliau diberi “nikmat” sebelah matanya, kinayah tentang matanya yang buta sebelah. Diriwayatkan daripadanya, bahawa dia telah mengarang serangkap syair menegur sahabatnya yang menyebut-nyebut tentang matanya itu (Fadil Saleh, 1969).

Kebiasaannya sewaktu bercakap, beliau mengherotkan kedua bibirnya sambil membuat isyarat dengan tangannya. Keadaan ini agak ganjil di kalangan para penulis di Baghdad pada ketika itu. Namun apa yang nyata dari kebiasaan tersebut, ialah kesungguhan beliau untuk menyampaikan makna dengan jelas kepada pendengar, seperti mana yang beliau lakukan di dalam kesemua buku karangannya. Ibnu Jinni sentiasa cenderung untuk menulis dengan panjang lebar, mengulang dan menggunakan berbagai-bagai cara untuk menyampaikan sesuatu makna. Jelasnya kebiasaan beliau itu adalah untuk menerangkan makna yang disampaikan. Beliau ada berkata, “mungkin sesuatu isyarat yang diberi lebih jelas daripada suatu ungkapan”.

Ibnu Jinni seorang yang rajin dan bersikap jujur dan benar di dalam percakapan dan perbuatannya. Beliau juga tidak pernah dilihat melakukan perkara-perkara yang biasa dibuat oleh kebanyakan ahli sasterawan zamannya yang banyak berfoya-foya, meminum arak, melakukan perbuatan sumbang dan sebagainya. (Ibnu Jinni, jld 1, t.t.). Beliau dikenali sebagai seorang yang mempunyai lidah dan mata pena yang bersih daripada perkataan yang boleh menjatuhkan air muka orang lain. Beliau sentiasa sibuk mengajar dan mendidik dan tidak sibuk untuk mendapatkan tempat dan keredhaan raja seperti yang dilakukan oleh Abu al-Farj al-Asbahani dan rakan-rakannya yang lain. (Ibnu jinni, jld 1, t.t.). Beliau juga seorang yang jujur kepada gurunya terutamanya sekali kepada Abu ‘Ali al-Farisi. Beliau sentiasa melahirkan rasa kagum, meluahkan puji-pujian dan sanjungan selain melahirkan rasa kasih sayang dan redha terhadap gurunya. Beliau juga berperibadi dan beretika

sebagai seorang ahli sarjana di dalam membuat sesuatu kajian ilmiah, malah beliau tidak meninggi diri walau untuk bertanyakan tentang sesuatu perkara daripada gurunya. Keperibadian unggul ini meletakkan Ibnu Jinni sebagai seorang sarjana yang dikagumi ramai.

Kedudukan Ilmu Dan Sasteranya

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, Ibnu Jinni dilahirkan di Mosul dan dibesarkan di sana. Beliau juga telah mendapat pendidikan awal di sana melalui perdampingannya dengan ulama-ulama terkenal. Antara gurunya ialah Ahmad bin Muhammad al-Musili dan Abu 'Ali al-Farisi. Melaluinya beliau menjadi pakar dalam bidang morfologi setelah mendampinginya selama 40 tahun. Beliau juga banyak belajar daripada ramai ahli bahasa dan sastera, antaranya, Abu Bakar Muhammad bin al-Hasan yang dikenali sebagai Ibnu Miqsam, Abu al-Farj al-Asbahani, Abu Bakar Muhammad bin Harun al-Ruyani dan Muhammad bin Selamat.(Fadil Saleh, 1969).

Pada satu ketika beliau mengajar di salah sebuah masjid di situ berkaitan bidang morfologi. Pada waktu itu Abu 'Ali al-Farisi lalu disitu dan bertanya kepadanya satu masalah yang gagal dijawab olehnya dengan baik. Lalu Abu 'Ali berkata kepadanya. "Kamu menjadi kismis sebelum masak". Selepas itu beliau bertanya tentang lelaki yang bertanyakan soalan itu, lalu beliau diberitahu bahawa lelaki itu adalah Abu 'Ali al-Farisi. Setelah itu beliau mendampinginya selama 40 tahun hingga beliau begitu mahir dalam bidang morfologi yang tiada orang lain lebih mahir tentang asal usul dan cabang morfologi sama sepertinya di masa itu. (Ibrahim Naja, 1978).

Para sarjana dahulu dan sekarang mengakui bahawa Ibnu Jinni mencapai taraf kedudukan ilmu yang tinggi dalam bidang ini. Apabila kita membaca pengakuan ahli sejarah, kita dapati seolah-olah beliau mencapai kedudukan setinggi ini yang tidak dicapai oleh sesiapa pun. Ini jelas seperti yang dikatakan oleh al-Bakhrizi:

"Tiada sesiapa di kalangan sarjana sastera yang mampu membuka kunci dan kekusutan masalah sama seperti Abu al Fath 'Usman bin Jinni, terutamanya di dalam bidang 'F'rab". (Fadil Saleh, 1969).

Ketokohnya dalam bidang ini juga mendapat perhatian dan pujian dari kalangan orientalis Barat yang mengkaji hasil karyanya. Antara subjek baru yang beliau perkenalkan ialah derivasi dan perkara ini telah diakui oleh Brokalmann di dalam bukunya *Sejarah Sastera Arab* :

"Ibnu Jinni adalah pengasas prinsip derivasi terbesar, iaitu bidang yang membicarakan tentang kesesuaian makna dan bunyi sesuatu perkataan". (Brokalmann, jld 2, 1961).

Yaqut al-Hamawi salah seorang sarjana Arab tersohor yang juga mengakui hakikat ini, berkata : “Usman bin Jinni seorang ahli tatabahasa.. di antara ahli sastera yang bijak, paling mahir dalam bidang tatabahasa dan morfologi. Beliau telah menyusun banyak buku yang mengkagumkan sarjana selepasnya. Tiada seorang pun yang dapat menghuraikan dengan begitu terperinci dalam bidang morfologi sama sepertinya”. (Fadil Saleh, 1969).

Faktor utama yang membolehkannya mencapai kedudukan setinggi ini ialah kerana beliau berjaya mengumpulkan ilmu pengetahuan dari Rom dan yang telah dapat menajamkan akalinya dan meninggikan kedudukannya hingga namanya dikenali dalam setiap disiplin ilmu bahasa Arab. (Ibrahim Naja, t.t.).

Al-Mutanabbi seorang penyair masyhur pada zaman itu juga melahirkan rasa kagum dan pujiannya kepada Ibnu Jinni, katanya: ”ramai orang yang tidak mengetahui kedudukan (ilmu) lelaki ini” . (al-Suyuti, jld 2, 1965). Ketokohan Ibnu Jinni dalam bidang sastera juga begitu menonjol apabila beliau adalah orang yang pertama mengarang buku yang mengupas dan mengulas makna syair yang telah dikarang oleh al-Mutanabbi. Dua buah buku *al-Syarh al Kabir* dan *al-Saghir* telah disusun untuk tujuan ini. (Ibnu Jinni, jld 1, t.t.).

Ibnu Jinni juga ada mengarang syair yang baik walau pun jumlahnya sedikit. al-Baghdadi menyatakan bahawa Yahya bin al-Tibrizi telah membacakan kepadanya sebuah qasidah yang panjang milik ‘Usman bin Jinni: (al-Baghdadi, jld 2, t.t.). Antara bait syair yang terkandung dalam qasidahnya adalah syairnya yang bertemakan kebanggaan (الفخر) tentang diri dan kedudukan ilmunya :

فإن أصبح بلا نسب فعلمي في الورى نسبي على أني أوول إلى قروم
سادة نجب

Maksudnya :

Jika aku dikatakan tidak mempunyai keturunan maka keturunanku di kalangan manusia adalah ilmuku namun aku dikaitkan juga dengan kaum Qurum pemimpin terbilang

Beliau juga ada menulis prosa yang menceritakan keadaan zamannya pada waktu itu : *saja'* (antara genre prosa yang menonjol pada waktu itu); yang terdiri daripada perenggan pendek dan mempunyai makna yang luas. (Ibrahim Naja, t.t).

Di antara cerita menarik tentang ketinggian ilmunya, diriwayatkan beliau telah mengarang sebuah buku bertajuk “*al-Idah*” dan dipersembahkan kepada ‘Adad al-Daulat seorang pemerintah negara, setelah membacanya baginda menganggap buku itu banyak kekurangannya, seraya berkata, “kamu tidak

menambah sesuatu yang baru daripada apa yang beta ketahui, ini (buku) hanya sesuai untuk kanak-kanak”. Abu ‘Ali pun beredar bersama buku tersebut dan melengkapkan karangan buku itu, lalu mempersembahkannya kembali kepada baginda. Apabila melihat buku tersebut, baginda berkata, “Syeikh ini telah marah... dan membawa sesuatu yang beta tidak fahami... dan tidak juga dia”. (Fadil Saleh, 1969). Kenyataan ini membayangkan keupayaan ilmu yang tinggi yang dimiliki oleh Ibnu Jinni untuk mengenengahkan sesuatu ilmu baru yang belum pernah dibincangkan oleh mana-mana ilmuwan sebelumnya.

Hasil-Hasil Karyanya dalam Bidang Linguistik Dan Sastera

Ibnu Jinni adalah tokoh terulung dalam bidang linguistik selepas Khalil ibnu Ahmad al-Farahidi dan Sibawaih. Ketekunannya mendalami ilmu pengetahuan dan kesabaran yang mendalam telah menjadi tonggak utama kejayaannya mencipta nama dalam bidang ini. Beliau sanggup belajar dengan Abu ‘Ali al Farisi selama 40 tahun, hanya untuk menambah pengetahuannya yang sedia ada. Malah dengan tidak mengenal erti jemu dan kesusahan, beliau sanggup merentas padang pasir dalam perjalanan dari Mosul ke Baghdad dan beliau banyak menjelajahi negeri Syam (Syria) hingga ke Tarablus (di Libya) dan menetap seketika di Halab. Kemudiannya beliau kembali semula ke Parsi dan mendampingi ‘Adad al-Daulat Ibnu Buwaih. (Fadil Saleh, 1969).

Tidak hairanlah jika kemampuannya yang begitu tinggi terserlah dalam setiap disiplin ilmu. Beliau banyak mengajar di setiap tempat yang beliau pergi, di samping banyak mengarang buku-buku yang bernilai tinggi dalam banyak cabang ilmu pengetahuan, seperti tatabahasa, morfologi, linguistik, ‘arud, qiraat dan lain-lain. (Fadil Saleh, 1969).

Di antara buku-buku karangannya yang terkenal ialah :-

- i. *al-Khasa'is* terdiri daripada tiga jilid yang banyak menghuraikan tentang ilmu tatabahasa, di samping itu beliau juga memperkenalkan istilah dan ilmu baru yang belum diasaskan lagi dalam bidang linguistik sebelumnya. Brokalmann menjelaskan bahawa Ibnu Jinni banyak memperkatakan masalah yang belum diasaskan dalam bahasa sebagai latihan akal dan menajamkan fikiran. (Brokalmann, jld 2, 1961).
- ii. *Sirr Sind'at al-F'rab*. Buku boleh dikategorikan sebagai buku lengkap yang menghuraikan secara terperinci ilmu fonetik bahasa Arab. Buku ini setebal 600 muka surat membincangkan tentang huruf-huruf hija'iyah dari sudut cara dan daerah artikulasi. Beliau juga membincangkan tentang kedudukan huruf-huruf tersebut di dalam perkataan-perkataan bahasa Arab, samada huruf-huruf itu adalah asal, tambahan atau badal (berlaku perubahan). Di samping itu beliau juga turut menggabungkannya

- dengan hukum-hukum gramatikal serta beberapa perkara lain yang berkaitan dengan huruf-huruf tersebut. (Ibrahim Naja, t.t).
- iii. *al-Munsif*. Kitab ini dikarang oleh Ibnu Jinni sebagai huraian kepada ilmu tasrif (derivasi) yang telah dinyatakan oleh al-Mazini sebelumnya.
 - iv. Kitab *al-‘Arud* iaiti satu kajian ringkas yang menerangkan tentang wazan-wazan (imbangan) syair. (Brokalmann, jld 2, 1961).
 - v. *al-Tamam* iaitu huraian tambahan kepada apa yang tidak ditulis oleh al-Sukari tentang syair-syair yang dikarang oleh para penyair daripada qabilah al-Huzali. Berdasarkan kenyataannya, tebal buku ini mencecah sehingga 500 muka surat, iaitu lebih kurang setengah daripada ketebalan saiz buku *al-Khasa’is*. (Ibnu Jinni, jld 1, t.t.).
 - vi. Kitab *al-Luma’* di dalam bidang tatabahasa. Kitab ini merupakan kitab yang paling banyak dikupas dan dihuraikan oleh sarjana-sarjana selepasnya. Brokalmann menyenaraikan sebanyak tujuh buah buku yang membuat huraian kepada kitab ini. (Brokalmann, jld 2, 1961).

Contoh-contoh buku di atas adalah bukti tentang ilmunya yang luas di dalam banyak disiplin ilmu. Sebenarnya banyak buku lain telah dikarang oleh Ibnu Jinni untuk kajian generasi selepasnya.

Namun berdasarkan kajian, tiada sebarang buku rujukan menyatakan secara tepat jumlah buku karangannya. Malah al-Khatib al-Baghdadi tidak menyebut langsung tentang ini. Al-Sayuti cuma menyatakan 12 judul bukunya dan tidak menentukan jumlah keseluruhannya. (al-Suyuti, jld 2, 1965). Muhammad ‘Ali al-Najjar, pentahqiq buku *al-Khasa’is* cuma mengesahkan sebanyak 49 buah sebagaimana yang tercatat di dalam buku karangan Ibnu Jinni. (Ibnu Jinni, jld 1, t.t.). Brokalmann pula mencatatkan sebanyak 20 buah dengan menyatakan tempat-tempat buku itu disimpan. (Brokalmann, jld 2, 1961). Manakala Dr. Fadil Saleh pula merupakan sarjana yang mencatatkan jumlah buku karangan Ibnu Jinni yang terbanyak sekali, iaitu sejumlah 67 buah kesemuanya. (Fadil Saleh, 1969). Berdasarkan statistik di atas, dianggarkan hasil karya Ibnu Jinni mencecah angka 70 buah judul. Walau jumlah itu agak kecil, namun banyak buku karangan yang dihasilkannya bersaiz besar dan menghuraikan pelbagai disiplin ilmu Bahasa Arab yang belum diasaskan lagi pada waktu itu.

Teori-Teori Linguistik Ibnu Jinni

Pengkaji bahasa dalam bidang linguistik bahasa Arab pada amnya bersetuju menyatakan Ibnu Jinni adalah antara pengasas linguistik Arab yang banyak membawa pendedahan baru di dalam bidang yang belum pernah diperkatakan oleh mana-mana ahli bahasa sebelumnya. (Ibrahim Naja, t.t). Banyak istilah yang diperkenalkannya masih menjadi dasar utuh linguistik Arab dan menjadi sumber kajian generasi selepasnya hingga ke hari ini. Tidak hairanlah jika beliau lebih dikenali sebagai pakar linguistik tidak pakar tatabahasa. (Fadil Saleh, 1969).

Oleh itu, kajian tentang teori-teori linguistik yang diperkenalkan oleh Ibnu Jinni adalah merupakan kajian yang menarik dan amat penting kerana ia membuka ruang lingkup yang luas tentang pengkajian linguistik Arab. Apatah lagi setelah banyak kajian oleh sarjana-sarjana moden Arab yang cuba membuat perubahan terhadap penemuan-penemuan yang telah diperkenalkan oleh Ibnu Jinni. Namun perubahan yang mereka lakukan hanya dari sudut luaran tanpa membawa sebarang perubahan dari sudut isinya. Ini kerana perubahan luaran yang mereka lakukan itu hanya melahirkan kekeliruan istilah daripada apa yang telah dibuat oleh Ibnu Jinni. Perubahan ini berlaku tanpa membawa sebarang perubahan dari segi makna dan kandungannya. Contoh yang boleh dilihat dalam sudut ini ialah usaha yang dibuat oleh sesetengah ahli bahasa yang mengubah nama “derivasi terbesar” yang digunakan oleh Ibnu Jinni kepada “derivasi besar” yang tidak memberi apa-apa perbezaan dari sudut makna dan kandungannya. (Ibrahim Naja, t.t). Namun tidak juga dinafikan kajian mereka telah banyak menambah luas kajian yang telah diperkenalkan oleh Ibnu Jinni.

Asal Usul Bahasa

Ibnu Jinni berkata, “topik ini memerlukan pengamatan yang lebih, kerana kebanyakan ahli ilmu berpendapat bahawa asal bahasa adalah istilah dan ciptaan tidak wahyu (tauqifi). (Ibnu Jinni, jld 1, t.t).

Beliau kemudiannya menyatakan pendapat Abu ‘Ali bahawa bahasa adalah wahyu dengan membawa contoh ayat Quran. Namun pendapat ini ditolak oleh segolongan besar ahli bahasa seperti al-Farisi dan al-Jubba’iy, hujah mereka adalah sama seperti ahli falsafah Yunani dan Inggeris Dimo Krit dan Smith, mereka mengatakan bahawa bahasa itu timbul melalui ciptaan dan spontan; istilah. Teori ini menjangka sesuatu bahasa lahir melalui cara meletakkan nama tertentu kepada sesuatu benda konkrit. Ini dilakukan oleh dua orang atau lebih ahli bijak pandai sesuatu masyarakat sosial. Proses ini berlanjutan hingga wujudnya bahasa lisan. (Ibrahim Naja, t.t).

Ibnu Jinni mempunyai pandangan tersendiri berkaitan perkara ini. Di awal bab ini beliau hanya menyebut pendapat yang menyatakan asal bahasa adalah istilah dan ciptaan serta pendapat yang menyatakan bahawa bahasa adalah

berpunca dari sumber yang suci (*divine source*) iaitu wahyu Ilahi. Namun beliau turut memberi pendapat menyatakan bahawa bahasa timbul melalui peniruan bunyi angin, burung, binatang dan sebagainya. Melalui peniruan ini sesuatu perkataan dibuat berdasarkan kepada bunyi sesuatu yang terdapat di sekeliling dan persekitaran sesuatu masyarakat sosial. Manusia cuba meniru bunyi dan menggunakannya untuk merujuk sesuatu yang ada kaitan dengan bunyi tersebut. Teori ini kemudiannya telah diambil dan dikembangkan oleh ahli bahasa Barat Jespersen (1922), yang dinamakan dengan teori “bow-wow”. (‘Abdah al-Raji, t.t).

Sebenarnya pandangan ini yang dinamakan dengan teori asal bahasa bow-wow yang juga disebut *onomatopoeic* (meniru bunyi-bunyi semulajadi) adalah sama dengan teori yang diperkenalkan oleh Ibnu Jinni lebih dari 10 abad sebelumnya. Kesimpulannya, Ibnu Jinni membawa ketiga-tiga teori tersebut untuk kajian berdasarkan pembuktian-pembuktian yang dapat menyokong teori yang berkaitan. Namun didapati beliau lebih cenderung dengan teori peniruan bunyi atau “teori bow-wow” ini berdasarkan ungkapannya...” pada pendapatku ini adalah teori yang baik dan mazhab yang boleh diterima”. (Ibnu Jinni, jld 1,t,t).

Konsonan, Vokal Dan Fonem

Pengkajian mendalam dalam aspek ini samada oleh Ibnu Jinni atau sarjana Arab lain, adalah bukti kukuh bahawa mereka merupakan pelopor dan perintis yang pertama membincangkan pembahagian huruf-huruf abjad, organ-organ artikulasi, daerah-daerah artikulasi dan cara sebutannya serta perkara-perkara lain yang berkaitan dengan huruf-huruf tersebut : Buku *Sirr Sina’at al-Irab* membincangkan secara terperinci kajian fonetik huruf-huruf Arab. Pentahqiq buku ini Dr. Hasan Handawi berkata, “Ibnu Jinni telah memenuhi dunia kajian fonetik, morfologi dan linguistik dan menarik perhatian orang ramai di dalam bidang ini”. (Ibnu Jinni, jld 1,t,t).

Contoh kajiannya berkaitan huruf vokal ialah, “...dan huruf-huruf yang luas makhrajnya (daerah artikulasi) ada tiga ; alif, ya dan wau, dan huruf yang paling luas (makhrajnya) dan paling lembut ialah alif ”. Makna ungkapan ini ialah beliau cuba memberi pemerian dan membuat perbezaan di antara huruf-huruf vokal dan konsonan dan di antara huruf-huruf vokal itu sendiri. Pemerhatian yang dilakukannya mendapati sewaktu huruf vokal disebut tidak berlaku halangan angin dari daerah artikulasinya yang menyebabkan sebutannya menjadi luas dan suara tidak terputus.

Kajian fonetik Arab moden malah juga bahasa lain turut membahagikan suara kepada dua bahagian ini berdasarkan asas yang dibawa dan diperkenalkan oleh Ibnu Jinni. (‘Abdah al-Raji, t.t). Ibnu Jinni juga turut membincangkan fonem dan beliau namakannya dengan istilah keluarga (golongan) bunyi-bunyi suara apabila beliau membincangkan tentang sesuatu bunyi suara yang berada di tempat-tempat yang berbeza-beza. Ini dikenali dalam

istilah fonetik moden sebagai fonem. ('Abdah al-Raji, t.t). Bunyi-bunyi suara ini berlaku apabila sesuatu bunyi bahasa berada bersebelahan bunyi bahasa lain dan memberi kesan kepada sebutan bunyi bahasa tersebut.

Derivasi

Ibnu Jinni juga memperkenalkan istilah derivasi terbesar yang belum pernah diperkatakan oleh sarjana sebelumnya. Derivasi ini berlaku dengan cara mengambil huruf-huruf satu kata dasar dan dipecah-pecahkan kepada enam bahagian yang mempunyai kesesuaian (munasabah) makna yang hampir sama pada keseluruhannya. (Fadil Saleh, 1969) Al-Sayuti menyatakan bahawa istilah ini adalah ciptaan Ibnu Jinni. Beliau berkata, “ adapun yang terbesar (derivasi) huruf asal sahaja yang dikekalkan, tidak susunannya. Jadi (ق و ل), (ق و ل), (ق و ل) dan (ق و ل) serta pecahan yang enam itu membawa makna ringan dan pantas. Hal yang sama turut diperkatakan oleh 'Abdah al-Raji.(al-Suyuti, jld 1, 1958, 'Abdah al-Raji, t.t).

Jenis derivasi ini dikenali sebagai penukaran tempat (qalb makani) pada pandangan ahli morfologi yang juga disebut sebagai derivasi besar, berlawanan dengan nama derivasi terbesar yang diberikan oleh Ibnu Jinni. Ini kerana kesemua pecahan yang enam itu berasaskan tiga huruf dasar dan mempunyai kesesuaian makna pada keseluruhannya walau agak sukar dilihat. Namun pendapat wujudnya kesesuaian makna ini ditolak oleh Muhammad al-Antaki apabila beliau mendakwa Ibnu Jinni hanya mengagak apabila beliau mengatakan ada kaitan makna antara perkataan (الْمَسْك) dan (الْمِسْك) sedangkan kedua-duanya adalah dakhil di dalam bahasa Arab. (Muhammad al-Antaki, 1969). Namun kajian dalam bidang bahasa ini mengesahkan bahawa pandangan Ibnu Jinni berkaitan isu ini dapat diterima berdasarkan pengamatan dan kajian mendalam ke atas perkataan-perkataan yang terdapat di dalam bahasa ini.

Pertindihan Bahasa

Istilah yang diperkenalkan oleh Ibnu Jinni ini dikenali sekarang sebagai Asimilasi Bahasa (Tadakhul al-Lughat). Pada pendapatnya bahasa berkembang kerana berlaku pertembungan bahasa melalui percampuran dialek-dialek.

Ibnu Jinni menyebutkan fenomena ini di dalam satu bab yang bertajuk *Fi Tarakkub al Lughat*. Keadaan ini berlaku apabila dua bahasa bertembung dan penuturnya mengambil bahasa lain lalu digabungkan dengan bahasanya yang menyebabkan lahirnya bahasa ketiga. Seperti قَنَطٌ, يَقْنَطُ adalah contoh pertindihan bahasa ini. Perkara ini berlaku kerana pada asalnya satu bahasa berkata قَنَطٌ, يَقْنَطُ dan bahasa lain berkata قَبِنَطٌ, يَقْبِنَطُ dan apabila berlaku pertindihan bahasa wujudlah, perkataan (يَقْبِنَطُ, قَبِنَطُ). ('Abdah al-Raji, t.t). Ini kerana bahasa pertama menggunakan kata kerja kala lampau dari bahasa mereka dan mengambil kata kerja kala kini daripada bahasa kedua.

(al-Suyuti, jld 1, 1958). Jadi apabila kita mendengar **بَقْنَطٌ، فَنَطٌ** pastinya ia adalah *tarakkub al-lughat*. Beliau mengkritik kelemahan ahli bahasa yang menganggap fenomena ini sebagai ganjil (syuzuz). (Fadil Saleh, 1969).

Banyak kajian seumpama ini dilakukan oleh para sarjana Arab selepasnya yang mengupas lebih lanjut berkaitan topik ini samada yang berkaitan dengan nas-nas al-Quran, hadis-hadis nabi mahu pun syair-syair Arab. Kajian ini telah menjadi perhatian banyak para sarjana yang sependapat dengannya dan ia juga turut dikenali sebagai al-Naht dalam istilah kajian linguistik Arab moden kini.

Kekuatan Perkataan Melambangkan Kekuatan Makna

Ibnu Jinni juga memperkatakan tentang hubungan yang rapat dan gandingan antara bunyi perkataan dengan kejadian yang hendak digambarkan. Orang Arab biasanya menggunakan huruf-huruf bagi membayangkan kejadian yang hendak dinyatakan. Oleh itu sesuatu huruf yang dipilih adalah bersesuaian dengan kejadian. Antara contoh tersebut ialah perkataan (خضم) dan (قضم). Perkataan (خضم) digunakan untuk perbuatan memakan benda-benda yang lembut seperti betik, timun dan sebagainya. Manakala perkataan (قضم) digunakan untuk menggambarkan benda yang keras dan kering. Jadi mereka memilih perkataan (خ) kerana kelembutan bunyinya untuk benda-benda yang lembut dan (ق) kerana bunyinya yang keras untuk benda-benda keras, agar berpadanan bunyi perkataan dengan bunyi kejadian. (Fadil Saleh, 1969: 115-116)

Antara contoh yang lain ialah perkataan (النضح) untuk percikan air dan (النضخ) untuk semburan air yang kuat. Mereka menggunakan huruf (ح) kerana bunyinya yang lembut untuk air yang sedikit berbanding dengan huruf (خ) kerana bunyinya yang lebih keras daripada huruf sebelumnya untuk air yang lebih banyak. (Ibrahim Naja, t.t.: 30)

Contoh lain yang dikemukakan oleh Ibnu Jinni bagi menggambarkan wujudnya korelasi antara bunyi huruf dan makna sesuatu perkataan ialah perkataan (حشن) yang bermaksud kesat dan perkataan (اخشوشن). Selain penggunaan huruf (خ) di dalam perkataan pertama, terdapat perulangan wazan kata dasar pada perkataan kedua iaitu huruf (ع) dan tambahan huruf (و) yang menjadikan maknanya lebih kuat dan bertenaga. (Ibnu Jinni, jld 2,t.t)

Bahagian ini dianggap oleh Ibnu Jinni perkara yang terbaik yang terdapat di dalam bahasa Arab kerana penulisan unsur sebegini tidak dilakukan di dalam bahasa-bahasa lain. Kajian linguistik moden bahasa-bahasa lain tidak sedikit pun memberikan perhatian dalam aspek ini berbanding kajian linguistik Arab. Oleh sebab itu tiada kajian kolerasi bunyi huruf dan makna sesuatu perkataan yang dapat dikesan dilakukan oleh mana-mana pengkaji bahasa lain di dunia ini.

Kehampirsamaan Perkataan Kerana Kehampirsamaan Makna

Kajian tentang bab ini memerlukan keupayaan bahasa yang tinggi dan memerlukan pemerhatian yang teliti ke atas setiap perkataan dan hubungannya dengan perkataan lain baik dari segi huruf-huruf perkataan mahu pun dari sudut maknanya. Hakikat ini jelas seperti apa yang dinyatakan oleh beliau, “Bab ini begitu luas di dalam bahasa Arab dan hampir tidak dapat dicapai kesemuanya. Hampir keseluruhan perkataan Arab berada di atas dasar ini sekali pun dialpakan dan tidak diberi perhatian. (Ibnu Jinni, jld 2,t.t)

Beliau menyebutkan pendapat al-Khalil dan Sibawaih yang menyatakan bahawa orang-orang Arab apabila mendengar bunyi cengkerek yang panjang, mereka berkata (صَرَ الجندب), dan apabila mereka mendengar bunyi helang yang terputus-putus, mereka berkata (صَرَصَرَ البازي). (Fadil Saleh, 1969)

Kajian seumpama ini kemudiannya juga telah dilakukan oleh Dr. Ibrahim Naja, apabila beliau mengkelaskan kehampirsamaan perkataan ini kepada tiga bahagian :

- i. Kehampirsamaan satu huruf daripada dua patah perkataan disebabkan oleh kehampirsamaan makna. Seperti perkataan (أَزْ) dan (هَزْ), makna kedua-duanya hampir sama iaitu menggoyang, cuma tahap goyangan yang berbeza dan digambarkan oleh dua huruf yang hampir sama sifat dan daerah artikulasinya iaitu huruf (أ) dan huruf (هـ) .
- ii. Kehampirsamaan dua huruf dari dua patah perkataan kerana kehampirsamaan makna seperti perkataan (سحل) dan perkataan (صهل), untuk bunyi keldai dan kuda. Perkara ini terjadi kerana kedua-dua huruf tadi juga hampir sama dari beberapa sudut iaitu huruf (س) adalah dari kumpulan huruf (ص) dari sudut daerah artikulasinya, dan huruf (ح) adalah dari kumpulan huruf (هـ) dan makna yang digambarkan oleh kedua-dua patah perkataan ini juga hampir sama.
- iii. Kehampirsamaan tiga huruf daripada dua patah perkataan kerana kehampirsamaan makna. Seperti perkataan (زار) dan (صهل), kedua-duanya adalah mempunyai makna yang hampir sama iaitu bunyi binatang. Manakala daerah artikulasi ketiga-tiga jenis huruf juga adalah hampir sama. Huruf (ز) sama dengan huruf (ص) , manakala huruf (أ) sama dengan huruf (هـ) dan huruf (ر) sama dengan huruf (ل). (Ibrahim Naja, t.t.)

Pembahagian ketiga-tiga jenis kategori ini dilihat sebagai kajian lanjut dan mendalam yang dilakukan oleh Dr. Ibrahim Naja dan amat bersesuaian dengan huraian panjang lebar yang telah dilakukan oleh Ibnu Jinni di dalam bab tersebut di atas.

Perkataan Melambangkan Makna

Ibnu Jinni sewaktu memperkatakan (nama) teori ini telah membawa banyak contoh yang terdapat di dalam bahasa Arab yang menunjukkan bahawa setiap perkataan yang dituturkan itu melambangkan maknanya. (Ibnu Jinni, jld 3, t.t.) Topik ini telah turut juga diperkatakan oleh al-Khalil dan Sibawaih dan telah diakui kesahihannya oleh ramai ahli dan sarjana ilmu.

Banyak perkataan yang digunakan mewakili bunyi yang dapat didengar seperti bunyi air mengalir, bunyi daun-daun pokok yang ditiup angin dan bunyi batu-batu yang berlaga sesama sendiri. Maka lahirilah perkataan-perkataan seperti *خرير*, *حفيف* dan *طقطقة* yang menggambarkan bunyi-bunyi di atas tadi. Disebabkan wujudnya pertalian rapat antara bunyi perkataan dan maknanya, ramai sarjana bahasa Arab bersetuju dan mengakui bahawa memang terdapat pertalian dan hubungan yang jelas di antara perkataan tertentu dan makna yang diwakilinya. Hingga ada di antara mereka seperti 'Ibad bin Sulaiman al-Saimiri yang begitu menyokong kuat pandangan ini dengan menyatakan terdapat perkaitan fizikal (*munasabah zatiah*) dalam setiap perkataan. (Ibrahim Naja, t.t.)

Namun terdapat juga pendapat yang menyatakan cuma lafaz-lafaz yang mewakili benda-benda konkrit dan dapat dicapai dengan pancaindera yang lima sahaja yang mempunyai *munasabah* tersebut. (Muhammad al-Antaki, 1969, Ibrahim Naja, t.t.). Di antara contoh lafaz yang melambangkan makna ialah *zaqzaqat al-'usfur* (bunyi burung), apabila mereka mendengar ia berbunyi *zaq... zaq* dan *zafzafat al-rih* (bunyi angin) apabila ia bertiup kencang... *zaf... zaf...* (Ibrahim Naja, t.t.)

Begitu juga kata dasar yang menggambarkan pergerakan yang berterusan. Mereka menggunakan wazan (imbangan) (*فعلان*) dan (*فعللى*). Seperti pergerakan air yang mendidih, perbuatan berpusing dan mengelilingi sesuatu dan perjalanan keldai yang berterusan, mereka gambarkan dengan (*غليان*), (*دوران*) dan (*بشكى*) (Ibrahim Naja, t.t.)

Penutup

Kajian tentang sumbangan Ibnu Jinni kepada bahasa Arab khususnya di dalam bidang linguistik memang telah banyak dijalankan sebelum ini. Ramai para sarjana Arab dan asing yang mengarang buku khusus berkaitan sumbangan beliau terhadap perkembangan bahasa dan sastera. Artikel ini adalah sebahagian daripada usaha tersebut ke arah memperkayakan lagi khazanah bahasa ini dengan mengkhususkan kajian teori yang telah diperkenalkan oleh Ibnu Jinni dan seterusnya digunapakai oleh generasi selepasnya samada daripada kalangan sarjana Arab mahupun asing.

Kajian ini juga telah mendedahkan kepentingan teori-teori tersebut di dalam perkembangan linguistik Arab moden dan digunapakai sehingga hari

ini. Artikel ini membentangkan pendapat kontra sesetengah sarjana Arab dengan teori Ibnu Jinni, seperti teori “Perkataan Melambangkan Makna” ; Ibnu Jinni menyatakan wujudnya munasabah pada setiap perkataan, namun pandangan ini ditolak oleh Muhammad al-Antaki dan lain-lain.

Dapatan dari kajian ini jelas menunjukkan bahawa Ibnu Jinni berpengaruh besar dalam perkembangan linguistik Arab kerana pandangan dan teori baru yang dibawanya itu telah menjadi bahan kajian, rujukan dan perbincangan di kalangan sarjana selepasnya. Malah kajian linguistik moden dewasa ini masih menggunakan teori-teori unggul tersebut. Pengakuan yang dibuat oleh Dr. Fadil Saleh sudah cukup untuk membuktikan ketokohan Ibnu Jinni di dalam bidang ini. “Tidak hairanlah jika beliau lebih dikenali sebagai pakar linguistik...” dan sememangnya beliau layak digelar bapa linguistik Arab.

Rujukan

- al-Antaki, Muhammad. (1969). *Dirasat fi Fiqh al-Lughat*. Beirut : Dar al-Syarq al-‘Arabiyy.
- al-Khatib al –Baghdadiyy, Abu Bakr Ahmad dan ‘Ali, (T. Tahun). *Tarikh Baghdad*. Beirut : Dar al-Kitab al-Arabiyy
- al-Raji, ‘Abduh. (T. Tahun). *Fiqh al-Lughat fi al- Kutub al-‘Arabiyyat*. Iskandariah : Dar al-Ma’rifat Al-Jami‘iyyat.
- al-Samra’iy, Fadil Saleh. (1969). *Ibnu Jinni al Nahwiyy*. Baghdad : Dar al-Nadhir.
- al-Suyuti, ‘Abd. al-Rahman Jalal al-Din. (1958). *al-Muzhir fi ‘Ulum al-Lughat wa Anwa’iha*. Kaherah : Dar Ihya’ al-Khutub al-Arabiyyat.
- al-Suyuti, ‘Abd. al-Rahman Jalal al-Din. (1965). *Bughyat al-Wu‘at fi Tabaqat al-Lughawiyin wa al-Nuhat*. Kaherah : Mutba‘at ‘Isa al-Babiy al-Halabiy.
- Brokalmann, Karl. (1961). *Tarikh al –Adab al-‘Arabiyy*. Kaherah : Dar al-Ma‘arif.
- Jinni, Abu al-Fath ‘Usman. (t. t.) *Al-khasa’ is*. Tahqiq Muhammad ‘Ali al-Najjar. Beirut : Dar al-Huda li al-Tiba‘at wa al-Nasyr.
- Naja, Dr. Ibrahim Muhammad. (t. t.) *Fiqh al-Lughat Al-‘Arabiyyat*. Kaherah : Dar al-‘Ahd al-Jadid li al-Tiba‘at.
- Naja, Dr. Ibrahim Muhammad. (1978). *Fiqh al Lughat al-‘Arabiyyat al-Saff al-Thalith*. Kaherah : Matba‘at al-Sa‘adat.

Sulaiman bin Ismail
Fakulti Pengajian Bahasa Utama
Universiti Sains Islam Malaysia
sulaiman.i@usim.edu.my